

**MENGUSAHAKAN KRISTUS ALMUHIT  
YANG DITAMSIKAN OLEH TANAH PERMAI  
UNTUK PEMBINAAN GEREJA  
SEBAGAI TUBUH KRISTUS,  
UNTUK REALITI DAN MANIFESTASI KINGDOM,  
DAN UNTUK PENGANTIN PEREMPUAN  
MEMPERSIAPKAN DIRI  
DEMI KEDATANGAN TUAN**

**PERNYATAAN PENTING**

Untuk memahami makna orang Israel memasuki Kanaan dan peperangan di Kanaan, kita perlu mengetahui bahawa Kanaan mempunyai dua aspek makna dari segi tipologi: Dari segi positif, Kanaan, tanah yang penuh dengan kekayaan, mentamsilkan Kristus almuhit beserta kekayaan-Nya yang tidak terduga; dari segi negatif, Kanaan menandakan bahagian kingdom Syaitan yang gelap yang terletak di udara, di langit, yakni kesyurgaan yang penuh dengan kuasa Syaitan.

Jika kita ingin memperoleh Kristus sepenuhnya sebagai tanah permai, kita harus berjaga-jaga agar tidak mempunyai hati jahat ketidakpercayaan; kita harus melatih roh iktikad kita dan mengekalkan hati kita berpaling kepada Tuan untuk percaya pada janji-Nya dengan segenap hati, percaya bahawa Dia bersama dengan umat-Nya, dan percaya bahawa mereka pasti dapat jayeng.

Umat Israel akan mengasingkan satu bahagian tertentu daripada hasil mereka yang diperoleh daripada jerih lelah di tanah permai untuk tujuan menyembah Bapa; jika kita dengan setianya mengusahakan Kristus almuhit, kita akan mempunyai kekayaan Kristus sebagai hasil untuk mempamerkan Kristus dalam perhimpunan gereja dan mempunyai lebih Kristus untuk dibawa ke perhimpunan gereja demi penyembahan korporat kepada Tuhan dalam roh dan dalam ketulusikhlasan.

Sabda Tuhan yang hidup harus menusuk ke dalam diri kita dan menyelamatkan kita daripada minda kita yang bingung dan sukma kita yang berkelana, ke dalam Kristus yang merupakan rehat Sabat dalam roh kita; kita tidak harus menjadi orang yang berlegar dalam perkelanaan sukma kita, tetapi kita perlu menyangkal sukma dan maju ke dalam roh kita untuk berbahagian dalam dan menikmati Kristus syurgawi agar kita dapat berbahagian dalam rehat kingdom apabila Dia memerintah dalam kingdom milenium.

Mesej Satu

**Berperang untuk Tanah Permai**

Bacaan Bible: Yos. 1:2-6, 13; Ef. 2:2; 6:12; Kol. 1:12-13

**I. Jika kita membaca Bible secara teliti, kita akan melihat bahawa terdapatnya pertempuran untuk tanah permai — Yos. 1:2-6, 13:**

- A. Syaitan, yakni musuh Tuhan, cuba sedaya upaya untuk menghalang umat Tuhan daripada memperoleh dan menikmati Kristus yang merupakan tanah permai—Ef. 2:2; 6:12.
- B. Semua pertempuran dalam Wasiat Lama berkaitan dengan tanah permai — Yos. 1:2-6; 5:11—6:27.

**II. Untuk memahami makna orang Israel memasuki Kanaan dan peperangan di Kanaan, kita perlu mengetahui bahawa Kanaan mempunyai dua aspek makna dari segi tipologi—Kol. 1:12; Ef. 1:3; 2:2; 6:12:**

- A. Dari segi positif, Kanaan, tanah yang penuh dengan kekayaan, mentamsilkan Kristus almuhit berserta kekayaan-Nya yang tidak terduga—Ul. 8:7-10; Kol. 1:12; Ef. 3:8:
  - 1. Tanah permai ialah tamsil muktamad bagi Kristus yang terdapat dalam Bible—Ul. 8:7.
  - 2. Tanah permai, Tanah Kanaan, merupakan tamsil bagi Kristus yang merupakan segala dan dalam segala serta Dia yang merupakan segala-gala bagi kita—Ef. 3:8.
  - 3. Dalam Bible, tanah merupakan suatu lambang, suatu simbol bagi Kristus—Kej. 1:9; 2 Ptr. 3:5:
    - a. Tanah yang keluar dari air maut pada hari ketiga dalam Kejadian 1:9-10 dan 13 ialah tamsil bagi Kristus yang bangkit, Dia yang keluar daripada maut pada hari ketiga.
    - b. Hasrat Tuhan yang diwahikan dalam Bible iaitu Kristus harus menjadi tanah kita—Ul. 8:7-10.
- B. Dari segi negatif, Kanaan menandakan bahagian kingdom Syaitan yang gelap yang terletak di udara, di langit, yakni kesyurgaan yang penuh dengan kuasa Syaitan—Ef. 2:2; 6:12:
  - 1. Syaitan mempunyai kuasanya dan malaikat-malaikatnya, yang merupakan malaikat bawahannya sebagai prinsipaliti, penguasa, dan pemerintah kegelapan dunia ini; oleh itu, dia mempunyai kingdomnya, kuasa kegelapannya—Kis. 26:18; Mat. 12:26; 25:41; Ef. 6:12; Kol. 1:13.
  - 2. Sehingga hari ini, kuasa-kuasa jahat masih menyorokkan kealmuhitan Kristus daripada umat Tuhan—2:8, 18; 2 Kor. 4:4.
  - 3. Buku Efesus menunjukkan bahawa kesyurgaan mempunyai lapisan yang berbeza—1:3; 2:2; 6:12:
    - a. Kristus berada di lapisan yang tertinggi, yakni syurga ketiga, untuk menjadi segala-gala bagi kita sebagai tanah permai kita—Ul. 8:7-10.
    - b. Terdapat lapisan yang lebih rendah dalam kesyurgaan—udara; di situ Syaitan sebagai pemerintah penguasa udara, sedang menghalang orang di bumi daripada menghubungi Tuhan dan menerima Kristus; hal ini ditamsilkan oleh orang Kanaan yang menghalang orang Israel daripada memasuki tanah permai—Ef. 2:2.
  - 4. Orang Kanaan mentamsilkan malaikat yang jatuh, yakni malaikat yang memberontak dan mengikut Syaitan; mereka telah menjadi penguasa, pemerintah,

Mesej Satu (sambungan)

dan pihak berkuasa dalam kingdom Syaitan, yakni kuasa-kuasa rohani yang jahat dalam kesyurgaan—Wahi 12:4, 7; Ef. 6:12.

**III. Pelbagai suku pagan yang menduduki tanah itu melambangkan aspek-aspek berlainan pada hayat alamiah kita:**

- A. Tuhan-tuhan (berhala) kepunyaan suku pagan (Kel. 23:24), dengan demon di sebalik mereka (bd. 1 Kor. 10:20), mewakili kuasa rohani jahat (Ef. 6:12).
- B. Di sebalik hayat alamiah kita merupakan kuasa jahat (bd. Mat. 16:23, nota kaki 1), yang memperalatkan, memanipulasi, dan mengarahkan aspek-aspek hayat alamiah kita untuk menghalang kita daripada memperoleh Kristus almuhit dan menikmati kekayaan-Nya.
- C. Oleh sebab hayat alamiah menghalang kita daripada memiliki Kristus dan menikmati-Nya, kita harus membencinya (Luk. 14:26) dan semasa kita makin bertumbuh dalam Kristus, kita harus rela mengusirnya.
- D. Tuhan tidak akan sekali gus menghapuskan hayat alamiah kita, yang dilambangkan oleh suku-suku pagan, kerana ini akan menjadikan kita kosong di dalam dan menghadapi bahaya dikuasai demon, yang dilambangkan oleh binatang di padang—Kel. 23:29; bd. Mat. 12:43-45:
  - 1. Tuhan melenyapkan hayat alamiah kita secara beransur-ansur, sedikit demi sedikit, menurut tahap pertumbuhan kita dalam hayat divin—Kel. 23:30.
  - 2. Semakin Kristus bertambah dalam kita, semakin Dia akan menggantikan hayat alamiah kita.
- E. Tuhan berjanji untuk mengusir suku pagan (ay. 29-30), tetapi umat Tuhan harus bekerjasama dengan-Nya dengan mengambil inisiatif untuk menghapuskan mereka—ay. 31-33; bd. Roma 8:13; Gal. 5:24; Kol. 3:5; Flp. 2:12-13.
- F. Semakin Kristus bertambah dalam kita, semakin kita akan berupaya bekerjasama dengan Tuhan untuk mengusir hayat alamiah.

**IV. Jika kita ingin menduduki tanah permai untuk menggenapkan tujuan Tuhan, kita harus bertempur dalam peperangan rohani untuk mengalahkan kuasa-kuasa kesyaitanan—Yos. 6:21:**

- A. Kita perlu menyedari perlunya peperangan rohani—peperangan antara kingdom Syaitan dengan kingdom Tuhan—Mat. 6:10; 7:21; 12:26, 28; Yes. 14:12-14.
- B. Apabila Israel bersedia untuk memperoleh Tanah Kanaan, tanah itu dipenuhi orang yang dirasuk demon, penyembah berhala, dan orang Nefilim—Bil. 13:33.
- C. Disebabkan orang Nefilim, iaitu bangsa kacukan malaikat jatuh dengan orang yang jatuh, tinggal di Tanah Kanaan, maka Tuhan memerintah bani Israel agar mengambil alih tanah ini dan membinasakan setiap benda hidup di sana supaya bangsa manusia dapat dibersihkan—Ul. 7:1-2:
  - 1. Menurut pemikiran divin, bangsa-bangsa di Tanah Kanaan harus dihapuskan kerana mereka bersifat iblisi dan bercampur dengan demon—ay. 2; Yos. 11:21-22; 14:6-14.
  - 2. Orang Kanaan bukan sahaja menandakan malaikat yang jatuh tetapi juga menandakan manusia yang menggabungkan diri mereka kepada roh-roh jahat, dengan kuasa kesyaitanan kegelapan di udara—Bil. 14:45.
- D. Raja Arad (21:1), Raja orang Amori (ay. 21), dan Raja Basan (ay. 33) ialah “pengawal pintu” di sebelah timur Sungai Yordan, yang mengawasi Tanah Kanaan, kingdom kegelapan, untuk Syaitan:

## BERPERANG UNTUK TANAH PERMAI

### Mesej Satu (sambungan)

1. Raja-raja yang ditewaskan oleh tentera Tuhan melambangkan pemerintah, penguasa, dan pemerintah dunia kegelapan; kita harus bergelut untuk menentang mereka—Ef. 6:12.
  2. Jika bani Israel ingin memasuki tanah permai, mereka perlu merentasi wilayah yang dikawal oleh raja-raja ini dan perlu berperang dengan mereka, menghapuskan mereka, dan mengambil alih wilayah mereka.
  3. Untuk memperoleh kekayaan Kristus yang tidak terduga, kita harus menhancurkan musuh rohani yang dilambangkan oleh Raja Arad, Sihon Raja orang Amori, dan Og Raja Basan—3:8; 6:10-12.
- E. Peperangan Israel menentang penghuni tanah itu menggambarkan peperangan rohani yang tidak kelihatan yang berlaku di sebalik babak yang dapat dilihat di bumi—Dan. 10:10-21; Ef. 6:10-20:
1. Amat penting bagi kita melihat bahawa di sebalik babak sedang berlakunya pergelutan rohani, yakni suatu pergelutan yang tidak dapat dilihat oleh mata manusia.
  2. Selain peperangan di bumi, terdapat juga peperangan antara Tuhan dengan kuasa-kuasa kesyaitanan di udara—2:2; 6:12.
- F. Peperangan bani Israel dengan orang Kanaan agar mereka dapat menduduki dan menikmati tanah permai mentamsilkan peperangan rohani seluruh gereja, termasuk semua anggota, menentang “kuasa rohani jahat yang ada dalam kesyurgaan” (ay. 12), supaya para pekudus dapat menikmati Kristus sebagai tanah yang serba merangkumi.
- G. Kristus ialah tanah permai kita, dan Tuhan menghendaki kita memperoleh Kristus, namun terdapat selapisan kuasa yang bersifat iblisi, bersifat demon di antara kita dan tanah permai; jika kita hendak memperoleh tanah permai sebagai kenikmatan kita, kita harus mengalahkan kuasa-kuasa kesyaitanan ini—Kol. 1:12-13; 2:15; Ef. 3:18; 6:11-12:
1. Terdapat satu peperangan rohani yang amat benar, yang dalamnya kita perlu bertempur; kita harus berjuang dalam peperangan ini untuk memperoleh Kristus almuhit demi pembinaan gereja sebagai Tubuh Kristus, manusia baru, dan kingdom Tuhan—ay. 10-12; 1 Tim. 6:12a; 2 Tim. 2:3-4; Kol. 1:13, 18; 2:19; 3:10-11.
  2. Jika kita ingin memperoleh Kristus sebagai kenikmatan kita, kita harus menjadi pejuang korporat, iaitu gereja sebagai Tubuh Kristus, yang memerangi dan mengalahkan kuasa kesyaitanan supaya kita beroleh lebih banyak Kristus untuk membina Tubuh Kristus, mendirikan dan menyebarkan kingdom Tuhan agar Kristus dapat kembali untuk mewarisi bumi ini—Ef. 3:8; 4:16; Mat. 24:14; Wahi 11:15.